

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA (KETEREH)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan kuarters milik Kementerian yang akan dibaik pulih dan berapakah kos yang telah diperuntukkan bagi kuarters berkenaan.

**JAWAPAN**

Aspek perumahan menjadi agenda penting Kementerian Pertahanan khususnya dalam meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan warga tentera. Sehingga Januari 2019, Kementerian Pertahanan mempunyai pegangan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) sebanyak 54,239 unit dan 11,647 unit daripadanya rosak dan tidak dapat diduduki.

Pada tahun 2019 pihak kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM120 juta melibatkan senggaraan biasa sebanyak RM70.523 juta manakala RM50 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja menyenggara dan menaik taraf RKAT rosak yang tidak boleh diduduki. Dengan peruntukan RM50 juta ini, Kementerian Pertahanan akan melaksanakan senggaraan dan menaik taraf sebanyak 1,367 unit RKAT pada tahun 2019.